AUTHOR: No author available SECTION: GENERAL NEWS PAGE: 6 PRINTED SIZE: 232.00cm²
REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Black/white ASR: MYR 1,254.00 ITEM ID: MY0071420535



06 OCT, 2026

UMS-UNP perkukuh kerjasama penyelidikan antarabangsa

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

UMS–UNP perkukuh kerjasama penyelidikan antarabangsa

PENAMPANG: Seramai 30 murid Tahun Enam Sekolah Kebangsaan (SK) Bahang di sini menjalani ujian kemahiran motor asas menerusi kerjasama penyelidikan antara Universitas Negeri Padang (UNP), Indonesia dan Universiti Malaysia Sabah (UMS), baru-baru ini.

Kajian diketuai Profesor Dr. Anton Komaini dari UNP itu menggunakan instrumen khusus bagi menilai kompetensi motor asas murid, sekali gus mengenal pasti tahap penguasaan pergerakan mereka untuk membantu perancangan pengajaran Pendidikan Jasmani.

Ujian berkenaan menilai dua domain utama iaitu pergerakan tubuh dan pengendalian objek, merangkumi kemahiran mengimbang, berguling, melompat dan berlari serta membaling, menangkap, melantun dan menggelecek bola mengikut tahap umur murid.



PENGHARGAAN: Dr. Frederick (empat kanan) menyampaikan penghargaan kepada pihak sekolah.

Penilaian secara sistematik itu membolehkan penyelidik mengenal pasti kemahiran yang sudah dikuasai murid serta aspek yang masih memerlukan bimbingan, khususnya kerana kemahiran pergerakan asas menjadi landasan kepada penyertaan dalam permainan, sukan dan aktiviti fizikal.

Felo Unit Penyelidikan Pendidikan Luar Bandar UMS, Dr. Frederick Josue @ Mohd Fadhil Abdullah berkata, kerjasama itu turut memperkukuh jaringan penyelidikan Malaysia–Indonesia dalam bidang Pendidikan Jasmani dan perkembangan motor kanak-kanak.

"Melalui penilaian yang sistematik, kita dapat memahami keperluan murid dengan lebih baik dan menyediakan asas kepada pengajaran yang bersesuaian dengan keupayaan mereka," katanya.

Menurutnya, dapatan ujian juga boleh membantu guru merancang aktiviti berdasarkan tahap penguasaan murid yang berbeza, selain memberi bimbingan secara berperingkat dan menyediakan aktiviti lebih inklusif.

"Setiap murid mempunyai keupayaan dan pengalaman pergerakan yang berbeza. Hasil penilaian boleh membantu guru menyediakan aktiviti yang memberi peluang kepada semua murid mengambil bahagian dalam aktiviti fizikal," katanya.

Pelaksanaan kajian di SK Bahang turut dibantu guru, Muhammad Luqman Abdul Said, khususnya dalam persiapan dan penyelarasan ujian membabitkan murid berkenaan.

Penyelidik turut merakamkan penghargaan kepada pengurusan serta warga SK Bahang, khususnya Guru Besarnya, Lawrence George atas kerjasama sepanjang program dengan sijil penghargaan disampaikan kepada pihak sekolah.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

AUTHOR: No author available SECTION: GENERAL NEWS PAGE: 6 PRINTED SIZE: 232.00cm²
REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Black/white ASR: MYR 1,254.00 ITEM ID: MY0071420535



06 OCT, 2026

UMS-UNP perkukuh kerjasama penyelidikan antarabangsa

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

SUMMARIES

PENAMPANG: Seramai 30 murid Tahun Enam Sekolah Kebangsaan (SK) Bahang di sini menjalani ujian kema hiran motor asas menerusi kerjasama penyelidikanantara Universitas Negeri Padang (UNP), Indonesia dan Universiti Malaysia Sabah (UMS), baru-baru ini. Kajian diketuai Profesor Dr. Anton Komaini dari UNP itu menggunakan instrumen khusus bagi menilai kompetensi motor asas murid, sekali gus mengenal pasti tahap penguasaan pergerakan mereka untuk membantu perancangan pengajaran Pendidikan Jasmani.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.